

02 APR 1997

Mahathir-Ariston

MAHATHIR AKUI TERIMA JAMINAN HUN SEN

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan bahawa beliau telah menerima surat daripada Perdana Menteri Bersama Kemboja Hun Sen berhubung pelaburan Ariston Sdn Bhd di negara itu.

"Ya, saya mendapat surat daripada Hun Sen untuk memberi jaminan bahawa tiada masalah di sana," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Jerman Roman Herzog di sini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan media beberapa hari lepas bahawa Hun Sen telah menulis surat kepadanya untuk mengecam tindakan seorang lagi Perdana Menteri Bersama Kemboja Putera Norodom Ranariddh mengisytiharkan beberapa perjanjian yang melibatkan Ariston sebagai batal dan tidak sah.

"Ini masalah dalaman mereka dan kita percaya perkara ini boleh diselesaikan oleh mereka sendiri.

"Saya fikir kepimpinan Kemboja ialah kepimpinan yang bertanggungjawab tetapi tentulah ada pendapat yang berbeza-beza...kita harap perkara ini boleh diselesaikan," katanya.

Menurut laporan itu, dalam surat berkenaan Hun Sen telah memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa perjanjian terbabit masih sah. Perjanjian itu mengenai sebahagian daripada cadangan Ariston untuk membangunkan bandar Sihanoukville sebagai sebuah destinasi pelancongan bernilai RM3.25 bilion.

Mengenai pertemuannya dengan Herzog, Dr Mahathir berkata Malaysia berminat mengadakan kerjasama dengan Jerman dalam bidang pendidikan dan latihan berteraskan teknologi.

Katanya Jerman mempunyai sistem pendidikan yang menarik kerana ia memberi penekanan kepada aspek praktikal.

Ketika ditanya sama ada Malaysia mungkin menghantar pelajarannya ke Jerman, Dr Mahathir berkata: "Ya, mereka sudah ada tempat yang menggunakan bahasa Inggeris, jadi kita boleh menghantar pelajar Malaysia ke sana."

Kedua-dua pemimpin turut bertukar-tukar pendapat mengenai beberapa perkara termasuk hubungan dua hala, hubungan Asean dan Eropah serta Myanmar.

Herzog tiba di sini semalam untuk lawatan lima hari. -- BERNAMA
MAM NMO